

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengemukakan Undang-undang Anti Lompat Parti seperti India dan Singapura supaya sistem demokrasi negara kita dapat dibela serta mengelakkan masalah krisis politik daripada berulang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Kerajaan komited untuk memastikan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya.

Bagi maksud perkara ini dan dengan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak.

Kerajaan akan meneliti dan mempertimbangkan semua cadangan dan input yang diterima daripada pihak berkepentingan termasuk daripada ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang melalui sesi libat urus yang menyeluruh. Sesi libat urus ini amat penting bagi menetapkan apa jua hala tuju dan parameter gubalan undang-undang. Ini adalah untuk memastikan Rang Undang-Undang ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

Dalam perkara ini, Jabatan Perdana Menteri sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji penyediaan undang-undang bagi menangani isu lompat parti. Kerajaan akan terus komited dalam memastikan Keluarga Malaysia yang digagaskan dapat mengambil kira semua kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.